

29/07/1999

Dunia wajar terima pakai Mesej Dari Langkawi

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

SELAIN membuktikan kepada dunia bahawa formula Malaysia menangani krisis kewangan, Dialog Antarabangsa Langkawi ke-4 (LID 99) yang berakhir semalam turut memberitahu dunia bahawa kesepakatan di peringkat antarabangsa adalah jawapan paling tepat bagi menjamin kesejahteraan sejagat.

Kesediaan Malaysia mengetuai negara membangun dan negara miskin Afrika bagi mencari penyelesaian bersama turut membuktikan Malaysia menerusi kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad peka terhadap kepentingan sistem kewangan antarabangsa yang adil dan tidak menekan negara kecil.

Ini kerana Dr Mahathir yang mewakili golongan yang sering dihimpit tekanan negara maju, tidak pernah `berehat' memperjuangkan sebuah sistem yang dinamik dan saksama. Ia juga langsung tidak mempunyai niat lain kecuali memastikan krisis kewangan yang melanda Asia Timur selepas menyerang Amerika Latin, Rusia dan kini menular ke benua Afrika tidak berulang. Ini terbukti berdasarkan tema LID 99, iaitu `Menguruskan Pemulihan Ekonomi - Pendekatan Perkongsian Bijak' yang matlamat utama ialah untuk kesejahteraan dan kemakmuran sejagat.

Selain itu, jika berlaku juga krisis, negara kecil, khususnya yang menyertai LID 99 boleh menangkis dan menyerapnya secara bijaksana dan berkesan seperti pengalaman Malaysia yang dirumuskan dalam perbincangan dan dijadikan rumusan dalam Mesej Dari Langkawi.

Tetapi yang lebih penting daripada itu, mesej yang dikeluarkan pada hari terakhir LID 99 sebenarnya bukan setakat pesanan, tetapi isyarat atau permintaan kepada dunia, khususnya negara maju seperti Amerika Syarikat bahawa ia perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak.

Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia yang bertanggungjawab sebagai badan menentukan kestabilan dan kemakmuran sistem ekonomi dunia tetapi gagal berbuat demikian, juga perlu meneliti mesej berkenaan.

Jika sebelum ini mesej yang cuba disampaikan oleh Dr Mahathir dalam pelbagai forum antarabangsa, sering dikritik dan mungkin dianggap sebagai pandangan peribadinya semata-mata, kini terbukti bahawa ia dikongsi sebahagian besar negara membangun dan miskin yang sering menjadi mangsa ketidakadilan dunia yang mementingkan diri sendiri.

Walaupun mesej itu bukannya satu ketetapan seperti yang dihasilkan dalam persidangan antarabangsa lain, ia perlu diberi perhatian serius bagi menjamin kesejahteraan sejagat, terutamanya pada alaf baru yang tidak sampai lima bulan lagi.

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Ali Abdul Kadir memberi gambaran tepat berhubung perkara itu pada hari kedua dialog dan perlu diberi perhatian bagi membuktikan bahawa pandangan dan hasrat negara kecil perlu diberi pengiktirafan.

"Ketika dalam kegawatan kita berjalan sendirian, melaksanakan langkah tukaran asing yang ditolak oleh Barat sebagai bukan cara yang betul. Apabila ternyata cara kita boleh dipakai, mereka terus cuba memberikan kita preskripsi ubat mereka.

"Kita katakan bahawa berhentilah memberikan kita preskripsi semata-mata, jadikan kita rakan kongsi, peserta yang bersama-sama dalam proses perundingan ke arah orde baru," katanya yang kemudian dipersetujui peserta dialog.

Berikutan itu, konsep perkongsian pintar hasil cetusan idea Dr Mahathir dan dikembangkan ke peringkat antarabangsa sejak LID pertama pada 1995, 1996 dan 1997 sehingga menjadi teras Mesej Dari Langkawi, maka ia diharap

akan membuka mata dunia bahawa kesanggupan berkerjasama dan tidak mementingkan diri sendiri adalah penawar sebenar jika mahu melihat masa depan yang lebih cemerlang.

Ia juga jelas menunjukkan bahawa negara dunia ketiga enggan menerima preskripsi ubat yang dicetuskan oleh negara maju dan IMF yang mendakwa kononnya saranan serta idea mereka adalah penawar mujarab mengatasi krisis kewangan Asia Timur.

Kandungan mesej yang meminta supaya satu sistem kewangan antarabangsa yang relevan kepada semua negara diwujudkan itu juga sebenarnya adalah 'rayuan' negara kecil kepada dunia supaya memahami masalah mereka kerana selama ini pandangan mereka 'ibarat mencurahkan air ke daun keladi'.

Dan jika kuasa besar seperti Amerika Syarikat, IMF, Bank Dunia serta pakar ekonomi antarabangsa terus angkuh dan enggan mengambil kira mesej berkenaan, mereka boleh dianggap sebagai 'zalim' kepada negara kecil dan miskin.

Apa tidaknya, mesej berkenaan menggariskan keperluan diwujudkan satu sistem yang membenarkan semua negara, sama ada besar atau kecil, menyertai proses globalisasi tanpa menyebabkan mereka terdedah kepada risiko berkaitan aliran modal.

Justeru, perkongsian pintar menerusi gabungan pelbagai negara dengan latar belakang berlainan serta pembabitian sektor swasta bagi mengukuhkan prospek ke arah mewujudkan sistem menyeluruh bagi menjamin kestabilan berkekalan perlu dijadikan garis panduan dalam melaksanakan sebarang perubahan terhadap sistem kewangan antarabangsa.

Berhubung perkara itu, LID 99 mencadangkan supaya perkongsian pintar dibentuk menerusi usaha sama dari segi perkongsian maklumat, pendirian yang sama mengenai isu serantau dan sejagat, mendapatkan sokongan, kepakaran dan pembangunan institusi menguruskan perdagangan pelaburan serta menggerakkan sumber kewangan.

Jika diteliti, ia sebenarnya adalah amalan yang bukan saja diperjuangkan oleh Malaysia, malah dipraktikkan oleh kepimpinan negara sejak lebih 10 tahun lalu, seperti Dasar Penswastaan yang mengutamakan perkongsian pintar antara sektor awam dan swasta yang berjaya membangun dan memajukan negara.

Tambahan pula pengalaman dan tindakan Malaysia dalam menangani pelbagai isu akibat kegawatan ekonomi sejak Jun 1997, adalah salah satu formula yang terbukti berjaya menyerap krisis kewangan walaupun pada peringkat awal dan sehingga kini ramai pihak yang sangsi serta terus mengkritik.

Ini kerana formula Malaysia terbukti berjaya menangani masalah berkenaan berbanding pelbagai langkah dan tindakan yang dilaksanakan IMF di beberapa negara lain, termasuk Thailand, Indonesia dan Korea.

Pengiktirafan peserta LID 99 yang diwakili lapan ketua negara, tokoh korporat dan pakar ekonomi antarabangsa, termasuk dari barat dan Asia dan kesatuan sekerja serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berhubung kejayaan Malaysia juga sudah memadai untuk dianggap sebagai isyarat jelas bahawa mesej dari negara kecil itu perlu diterima pakai di peringkat antarabangsa.

Ia diperkukuhkan lagi dengan kesediaan negara Afrika yang kebanyakannya masih miskin dan sedang menghadapi masalah yang sama untuk mempelajari pengalaman Malaysia menangani isu itu, khususnya kejayaan penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Lebih menarik, semua negara Afrika yang hadir pada LID 99, termasuk Afrika Selatan yang diketuai Naib Presiden, Jacob Zuma, sepakat untuk mempelajari pengalaman dan kaedah Malaysia menangani isu itu bagi memastikan benua mereka mampu menghadapi serangan golongan yang tamak mengaut keuntungan, khususnya spekulator.

Tambahan pula prinsip tegas Dr Mahathir, iaitu memakmurkan jiran

menerusi perkongsian pintar berjaya mewujudkan kemakmuran wilayah dan bagi mereka konsep itu boleh dijadikan amalan bagi mewujudkan kemakmuran dan kesejahteraan sejagat.

Pandangan Geoffrey Barker, ahli ekonomi Asia di Dredsner Klienworth Benson, Hong Kong bahawa petanda pemulihan ekonomi Asia semakin jelas berbanding ekonomi Amerika Syarikat yang menuju kemelesetan sebagai bukan sebab untuk Asia bergembira juga perlu diambil kira.

Cadangannya supaya diwujudkan perkongsian pintar negara membangun dan maju ke arah masa depan yang lebih gemilang sudah cukup mencerminkan bahawa mesej itu boleh diterima untuk kesejahteraan dan kemakmuran sejagat.

Ini kerana semua yang dihasilkan dalam dialog kali ini bukan saja berjaya mencapai matlamatnya supaya negara peserta berkongsi pengalaman membangunkan negara, malah lebih jauh, iaitu untuk mewujudkan sebuah orde baru dunia yang lebih adil.

Yang penting, selain pengiktirafan terhadap kejayaan Malaysia menguruskan ekonomi mengikut formula sendiri, Mesej Dari Langkawi turut menunjukkan kesediaan Malaysia berkongsi pengalaman dan kejujuran kita untuk melihat kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan sejagat sepanjang abad akan datang.

(END)